

## **Penyusuan susu ibu: kepentingan kepada kesihatan umum**

Peningkatan amalan penyusuan susu ibu boleh menyelamatkan banyak nyawa terutama sekali di kalangan masyarakat yang miskin. Amalan ini juga mampu mengubah taraf kesihatan masyarakat di negara-negara maju dalam menangani kesan negatif penyusuan gantian. Semua negara telah menyatakan sokongan ke atas saranan Badan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) / Tabung Kesihatan Sedunia Kanak-Kanak (UNICEF) pada tahun 2002 mengenai Strategi Global Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak. Pelaksanaan kod tersebut merupakan kunci terhadap kesihatan bayi dan kanak-kanak kecil yang optima. Oleh yang demikian, semakin ramai ibu yang mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 6 bulan pertama walaupun sesetengah negara terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kemelut politik dan sosial, penularan penyakit HIV, dan bencana alam semulajadi. Walaupun masyarakat telah menerima penyusuan susu ibu dengan baik namun amalan penyusuan ini akan menjadi kurang ideal sekiranya penyusuan gantian digunakan bersama-sama amalan penyusuan susu ibu. Amalan menangguh penyusuan susu ibu, menghadkan penyusuan susu ibu dan pemberian produk gantian susu ibu sebelum bayi mencapai umur 6 bulan masih diamalkan. Amalan ini akan meningkatkan risiko terhadap jangkitan penyakit, alahan dan kematian. Kejailan, maklumat cetak di kalangan profesional kesihatan serta pengabaian hak-hak wanita telah menyumbang kepada perkara-perkara di atas. Sungguhpun begitu, kesan yang paling ketara ialah ancaman yang diberikan melalui aktiviti pemasaran produk susu gantian yang melibatkan pelaburan kewangan yang amat tinggi. Pemasaran produk-produk tersebut secara langsung akan mengancam keberkesanan usaha meningkatkan amalan penyusuan susu ibu.

**Kod melarang sebarang promosi produk sebagai pengganti kepada susu ibu sama ada sesuai atau pun tidak.**

## **Kod sebagai asas kepada perlindungan**

Para pemimpin kesihatan awam telah membantah sebarang usaha mempromosi produk susu formula bayi ini sejak sekian lama. Pendirian ini telah diisytiharkan secara rasmi kira-kira 25 tahun yang lalu iaitu ketika Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) menjadikan kod ini sebagai asas untuk mewujudkan peraturan di dalam menangani amalan pemasaran yang agresif. Sungguhpun kesemua ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengemukakan komitmen masing-masing ke atas Kod ini berserta 11 Resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia yang berkaitan, desakan dari pihak industri mampu merencatkan pelaksanaan Kod ini sepenuhnya.

## **KEMAJUAN MELALUI KERJA BERTERUSAN**

Pada 1990, hanya sembilan buah kerajaan telah mengambil Kod sebagai undang-undang dalam negara. Menjelang 2006, terdapat lebih daripada 70 kerajaan yang telah mengambil semua atau hampir semua isi kandungan kod sebagai undang-undang. Para badan bukan kerajaan dan kumpulan komuniti seperti IBFAN telah menjadi perintis kepada pemantauan bagi perlaksanaan Kod, dokumentasi, latihan dan sokongan kepada individu yang bertanggungjawab dalam memperolehi regulasi kebangsaan.

### **Idea tindakan seterusnya bagi pelaksanaan kod**

Mendidik diri sendiri dan yang lain-lain.

- sediakan sesi latihan Kod bersama-sama rakan-rakan dan ahli bersekutu. Hubungi IBFAN, UNICEF atau WHO untuk maklumat bahan-bahan, informasi dan khidmat nasihat
- minta UNICEF dan WHO untuk beberapa dokumen penting yang boleh diperolehi secara percuma
- tawarkan untuk menyediakan latihan kesedaran Kod kepada pihak kesihatan tempatan. Sekiranya mereka ingin menuju atau ingin mengekalkan status Hospital Rakan Bayi, mereka seharusnya tahu tentang kod

Pemantauan.

- menjalankan latihan pemantauan. Lawat pasaraya dan farmasi. Periksa majalah dan media cetak yang lain termasuk internet, televisyen dan radio. Jika mampu, lawat pusat perubatan tempatan sama ada kerajaan atau swasta
- sediakan laporan pemantauan ringkas dengan fakta-fakta yang tepat dan bahan bukti atau gambar bukti yang menunjukkan pelanggaran Kod
- galakkan para pelajar untuk membuat pemantauan Kod atau topik-topik lain yang berkenaan sebagai topik dalam projek kaji selidik mereka. Beri sokongan dengan maklumat yang berkenaan

Komunikasi.

- jalinkan hubungan dengan pentadbir, pengguna, kumpulan hak asasi manusia dan kumpulan sokongan susu ibu untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kod (sama ada tempatan atau antarabangsa)

**Kod melindungi bayi yang menyusu botol dengan kawalan kualiti produk maklumat saintifik yang tepat, dan amaran kesihatan pada label.**